

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 DISEMBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia hantar angkasawan kedua ke ISS	Utusan Malaysia
2.	Sains teknologi pemacu ekonomi	Sinar Harian
3.	Program angkasa lepas perlu sokongan swasta, korporat	Harian Metro
4.	More astronomy programmes to benefit public	New Straits Times
5.	Program angkasawan Malaysia kedua akan diteruskan – Ewon Ebin	Bernamea.com
6.	Swasta digesa bantu teknologi angkasa	Berita Harian
7.	Angkasawan	KOSMO
8.	Program angkasawan kedua akan diteruskan	The Malaysian Times
9.	Program angkasawan kedua akan diteruskan – Ewon Ebin	Perak Today
10.	Program angkasawan kedua akan diteruskan – Ewon Ebin	Mstar Online
11.	Hasil produk bernilai komersial	Harian Metro
12.	MOSTI tegur penerima dana	Sinar Harian
13.	James terima Anugerah Mahathir	Utusan Malaysia
14.	Saintis Scotland terima Anugerah Sains Malathir	Berita Harian
15.	Nelayan pantai dinasihat tak turun ke laut	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 13 DISEMBER 2013 (JUMAAT)



DR. Ewon Ebin (tiga dari kanan), Dr. Abu Bakar Mohd. Diah (tiga dari kiri) serta Dr. Faiz Khaleed (empat dari kiri) menunjukkan isyarat bagus bersama pakaian maskot baharu angkasawan pada majlis pelancaran Showcase Angkasawan di Pusat Maritim Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

Malaysia hantar angkasawan kedua ke ISS

PUTRAJAYA 12 Dis. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengenal pasti tarikh untuk melaksanakan misi angkasa lepas kedua yang dijangka dijayakan dengan kerjasama Rusia.

Menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, pelancaran pameran angkasawan yang diadakan di Maritim Putrajaya hari ini juga merupakan bayangan bahawa tarikh misi penghantaran angkasawan kedua semakin dekat.

Bagaimanapun katanya, pada masa ini, MOSTI lebih mengutamakan program untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan program angkasawan termasuk implikasinya daripada segi pembangunan sains dan teknologi.

"Kita sedang merangka perinciannya (misi angkasawan kedua) kerana apa yang penting ialah pe-

ngisian program selain memastikannya membawa hasil kepada negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran Showcase Angkasawan di sini hari ini.

Pameran tersebut bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai misi angkasa negara serta menggalakkan pihak swasta untuk memberi sumbangan kepada program tersebut.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; angkasawan negara, Mejar Dr. Faiz Khaleed dan pemimpin serta Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Angkasawan Malaysia (YAM).

Menurut laporan sebelum ini, angkasawan kedua negara dijangka dihantar ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) menjelang 2016 selepas misi pertama berjaya dilak-

sanakan oleh Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor pada 2007.

Ditanya sama ada Dr. Faiz akan menyertai misi angkasa kedua, Ewon tidak mengesahkan perkara itu tetapi bergurau bahawa timbalannya, Abu Bakar merupakan antara yang dicalonkan untuk program tersebut.

Dalam pada itu, Abu Bakar menjelaskan, persediaan rapi perlu dijalankan sebelum misi penghantaran angkasawan kedua dijalankan.

"Banyak faktor perlu diambil kira kerana roket yang digunakan bukan milik Malaysia. Kita juga perlu tengok pengangkutan yang sesuai selain menunggu giliran ke angkasa.

"Misi ini tidak perlu dibuat secara tergesa-gesa, kita perlu mendapat kerjasama pakar akademik, saintis dan sebagainya untuk menjayakan program ini," katanya.

Sains teknologi pemacu ekonomi



Ewon (tiga, kanan) selepas merasmikan pelancaran Angkasawan Showcase semalam.

NOR RAIDAH AWANG

PUTRAJAYA - Kerajaan komited menjadikan Malaysia negara maju dengan memperkukuhkan peranan pendidikan sains teknologi dan inovasi angkasa yang diharap dapat menjadi pemacu kemajuan negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ewon Ebin berkata, menyedari akan kepentingan pendidikan tersebut dalam pertumbuhan ekonomi, kerajaan akan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk membudayakan teknologi di kalangan masyarakat.

Menurutnya, beliau berharap pelbagai pihak tampil menyertai Yayasan Angkasawan Malaysia (YAM) dalam program pendidikan dan kesedaran awam dalam penerokaan angkasa lepas.

"Dengan pendekatan baru yang dilakukan oleh YAM, ia memberi ruang dan platform untuk ke arah yang lebih baik," katanya berucap merasmikan pameran pelancar-

an Angkasawan Showcase anjuran YAM di Pusat Maritim, semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Abu Bakar Mohamed Diah; Angkasawan kedua Negara, Mejar Dr Faiz Khaleed dan Yang Dipertua Persatuan Falak Syarie Malaysia, Syed Kamarulzaman Syed Kabeer.

Selain itu Ewon berkata, secara prinsipnya kerajaan sebelum ini telah bersetuju untuk meneruskan program angkasawan bagi penghantaran misi angkasawan kedua.

"Namun, kaedahnya masih belum diputuskan dan ia perlu di laksanakan dengan perancangan rapi terutamanya jenis kajian yang akan dilaksanakan.

"Di peringkat kementerian, agenda penerokaan angkasa negara tidak hanya tertumpu kepada penghantaran angkasawan sahaja, sebaliknya dalam pelbagai sektor berpandukan pelan tindakan strategik di bawah dasar angkasa negara," katanya.

Program angkasa lepas perlu sokongan swasta, korporat



EWON (dua dari kanan) diberi penerangan oleh Angkasawan Negara, Mejar Dr Faiz Khaleed.

Putrajaya: Sektor swasta dan korporat diminta tampil bekerjasama menjayakan Program Pendidikan dan Kesedaran Awam Penerokan Angkasa Lepas dalam usaha membantu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi memberi pemahaman dan kesedaran kepada rakyat mengenai bidang berkenaan.

Menterinya, Datuk Dr Ewon Ebin berkata, kerjasama itu boleh dilaksanakan menerusi kerjasama strategik; penggerak program dan penaja bagi menjayakan program transformasi minda rakyat ke arah melahirkan masyarakat berpengetahuan sains dan teknologi. Menurutnya, kesedaran dan pemahaman kepada

rakyat perlu dilaksanakan secara berterusan lebih-lebih lagi kerajaan bersetuju meneruskan program kedua Angkasawan selepas kejayaan program yang sama sebelum ini.

"Saya berharap sektor swasta dan korporat dapat tampil bersama kerajaan dalam menjuarai program transformasi minda rakyat ke arah masyarakat berpengetahuan sains dan teknologi terutama dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) melalui sumbangan kepada pelaksanaan program dan aktiviti Yayasan Angkasawan Malaysia (YAM)," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pelancaran 'Showcase' Angkasawan di

sini, semalam.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya dan Ketua Pegawai Eksekutif YAM, Rajini Ramlan.

Ditanya mengenai tarikh sebenar penghantaran misi Angkasawan kedua, Ewon tidak memaklukkannya kerana usaha memberi kesedaran dan kefahaman kepada rakyat perlu diberi keutamaan.

"Malah, kaedah mobiliti bagi misi berkenaan belum diputuskan kerana ia perlu dilaksanakan dengan perancangan rapi terutama jenis kajian yang akan dilaksanakan kelak.

More astronomy programmes to benefit public

PUTRAJAYA: A major rebranding is set to transform Yayasan Angkasa Negara (YAM) and its programmes to benefit the public in the field of astronomy.

The rebranding is aimed at improving the foundation's plans to make available space science and astronomy education to the public.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin said the foundation would strengthen and increase its astronomy education programmes to help raise awareness on the importance of science, technology and new astronomical innovations.

"The foundation was established four years ago. It is vital for it to have a new agenda and a concrete astronomy roadmap that will help create a larger impact on Malaysians and the country in the field."

Applauding the foundation for planning new initiatives, Ewon said industry players and the private sector should also play an active and significant role in ensuring the success and development of astronomy

research in the country.

"These research may take years to complete, but upon completion, they will bring profit to companies as new innovations are always vital to the growth of space science and astronomical technology. This is a win-win situation."

Ewon said it was vital for the foundation to collaborate with the private sector under strategic partnerships as they would be able to provide sponsorships for its outreach and awareness programmes that would benefit the public and country.

Foundation president Datuk Dr Rosli Mohamed said the new initiatives outlined were the National Astronautic Programme that would involve various activities to create awareness among the public on opportunities in astronautical technology and astronomy, and the Astronaut Fellow Programme.

The latter will identify talented individuals who would be trained as outreach officers to promote and educate the public on astronautics.



Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin (right) and his deputy, Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah, being briefed by Malaysian astronaut Dr Faiz Khaleed during the launch of Astronaut Showcase at Marina Putrajaya yesterday. Pic by Ahmad Irfan Mohd Noor

Rosli, whose speech was read by YAM chief executive Rajini Ramlan, said schools, colleges and universities would also see the setting up of Malaysia Astronautic Clubs aimed at creating and harnessing the interest

of students in astronomy.

Another initiative is the introduction of the Space Science Expert Development Programme, with the objective of identifying students interested in pursuing studies in

astronomy.

Launched by Ewon, the Astronaut Showcase was held at Marina Putrajaya and attracted more than 200 participants from the government and private sectors.



Program Angkasawan Malaysia Kedua Akan Diteruskan - Ewon Ebin

PUTRAJAYA, 12 Dis (Bernama) -- Program misi menghantar angkasawan kedua ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) untuk melakukan penyelidikan saintifik akan diteruskan dan tarikhnya akan diumumkan pada masa yang sesuai kelak.

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#) berkata misi angkasa lepas kedua itu mendapat kerjasama Rusia, Jepun dan beberapa negara lain.

"Kerajaan tidak tergesa-gesa untuk melaksanakan misi angkasa lepas kedua ini, buat masa ini, kementerian menerusi agensinya akan menganjurkan program-program kesedaran mengenai tujuan sebenar misi menghantar angkasawan kedua ke ISS dan implikasinya dari segi pembangunan sains dan teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Pameran Angkasawan bertema 'Memacu Aspirasi' selama sehari anjuran MOSTI dan Yayasan Angkasawan Malaysia di Pusat Maritim di sini Khamis.

Turut hadir Timbalannya Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Angkasawan kedua Negara, Mejar Dr Faiz Khaleed.

"Kementerian kini sedang merangka perincian-perinciannya menerusi perjumpaan, perbincangan dan perundingan bersama para saintis, ahli akademik, anggota politik, orang awam dan mereka yang berkaitan dalam menentukan apakah jenis penyelidikan yang sesuai dilakukan dalam misi angkasawan negara kedua ini nanti.

"Apa yang penting ialah perancangan yang rapi dan menentukan pengisian programnya demi memastikan ia membawa hasil kepada negara kerana orang ramai akan bertanya mengenai apakah hasil yang diperoleh dalam program angkasawan ini setelah membelanjakan wang yang banyak," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata program pameran ini dapat memberi kesedaran mengenai kepentingan melakukan penyelidikan di angkasa lepas dan pada masa yang sama Ewon menyeru pihak swasta memberi sokongan dan sumbangan dalam program angkasawan negara itu kerana ia dapat memberi sumbangan menerusi hasil penyelidikan saintifik.

-- BERNAMA

Swasta digesa bantu teknologi angkasa

Putrajaya: Sektor swasta boleh menjadi rakan kongsi strategik atau pembiaya dana untuk bersama-sama kerajaan membangunkan bidang sains teknologi penerokaan angkasa negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Ewon Ebin, berkata bidang berkenaan mendapat tempat di kalangan masyarakat negara ini, khususnya generasi muda, justeru sumbangan pelbagai pihak terutama dari segi dana diperlukan untuk tujuan penyelidikan.

Selain itu, katanya, kerajaan melalui Yayasan Angkasa Malaysia (YAM) mengadakan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai potensi serta masa depan bidang penerokaan angkasa.

"Ia bukan hanya tertumpu kepada program angkasawan semata-mata, malah pelbagai perkara lain di bawah bidang angkasa berpandukan pelan tindakan strategi ditetapkan di bawah Dasar Angkasa Negara yang sedang digubal.

"Justeru, YAM akan melaksanakan pelbagai program berasaskan hasil yang dapat memberi kesan kepada pembangunan modal insan dan ekonomi. Syarikat swasta juga perlu memainkan peranan dalam menyediakan dana bagi penyelidikan dan pembangunan.

"Walaupun ia mengambil masa panjang, jika berjaya nanti ia akan membawa keuntungan besar kepada syarikat," katanya ketika merasmikan Pameran Angkasaan dan penjenamaan semula YAM serta pengenalan maskot YAM, di sini, semalam.

Turut hadir, timbalannya, Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah dan Ketua Eksekutif YAM, Rajini Ramlan.

Ewon berkata, melalui penjenamaan semula itu, YAM menetapkan hala tuju lebih konkrit dan penambahbaikan kandungan untuk meningkatkan kesedaran awam, selain membuka ruang bekerjasama dengan pelbagai pihak.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 13 DISEMBER 2013 (JUMAAT)



ANGKASAWAN. Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin (kanan) mendengar penerangan daripada Angkasawan Negara, Mejar Dr. Faiz Khaleed (tiga dari kiri) mengenai pakaian maskot baharu angkasawan pada majlis pelancaran Showcase Angkasawan di Putrajaya, semalam.

KERATAN AKHBAR
THE MALAYSIAN TIMES
TARIKH : 13 DISEMBER 2013 (JUMAAT)

The Malaysian Times

Program angkasawan kedua akan diteruskan

Posted: 5:55 pm, December 12, 2013 by editor



KUALA LUMPUR, 12 Dis: Program misi menghantar angkasawan kedua ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) untuk melakukan penyelidikan saintifik akan diteruskan dan tarikhnya akan diumumkan pada masa yang sesuai kelak.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin berkata misi angkasa lepas kedua itu mendapat kerjasama Rusia, Jepun dan beberapa negara lain.

"Kerajaan tidak tergesa-gesa untuk melaksanakan misi angkasa lepas kedua ini, buat masa ini, kementerian menerusi agensinya akan menganjurkan program-program kesedaran mengenai tujuan sebenar misi menghantar angkasawan kedua ke ISS dan implikasinya dari segi pembangunan sains dan teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Fameran Angkasawan bertema 'Memacu Aspirasi' selama sehari anjuran MOSTI dan Yayasan Angkasawan Malaysia di Pusat Matilim di sini, Kharis.

Turut hadir Timbalannya Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Angkasawan kedua Negara, Mejar Dr Faiz Khaleed.

"Kementerian kini sedang merangka perincian-perinciannya menerusi perjumpaan, perbincangan dan perundingan bersama para saintis, ahli akademik, anggota politik, orang awam dan mereka yang berkaitan dalam menentukan apakah jenis penyelidikan yang sesuai dilakukan dalam misi angkasawan negara kedua ini nanti.

"Apa yang penting ialah perancangan yang rapi dan menentukan pengisian programnya demi memastikan ia membawa hasil kepada negara kerana orang ramai akan bertanya mengenai apakah hasil yang diperoleh dalam program angkasawan ini setelah membelan wang yang banyak," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata program pameran ini dapat memberi kesedaran mengenai kepentingan melakukan penyelidikan di angkasa lepas dan pada masa yang sama Ewon menyeru pihak swasta memberi sokongan dan sumbangan dalam program angkasawan negara itu kerana ia dapat memberi sumbangan menerusi hasil penyelidikan saintifik.

**KERATAN AKHBAR
PERAK TODAY
TARIKH : 13 DISEMBER 2013 (JUMAAT)**



Program Angkasawan Kedua Akan Diteruskan – Ewon Ebin

PUTRAJAYA: Program misi menghantar angkasawan kedua ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) untuk melakukan penyelidikan saintifik akan diteruskan dan tarikhnya akan diumumkan pada masa yang sesuai kelak.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin berkata misi angkasa lepas kedua itu mendapat kerjasama Rusia, Jepun dan beberapa negara lain.

"Kerajaan tidak tergesa-gesa untuk melaksanakan misi angkasa lepas kedua ini, buat masa ini, kementerian menerusi agensinya akan menganjurkan program-program kesedaran mengenai tujuan sebenar misi menghantar angkasawan kedua ke ISS dan implikasinya dari segi pembangunan sains dan teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Pameran Angkasawan bertema 'Memacu Aspirasi' selama sehari anjuran MOSTI dan Yayasan Angkasawan Malaysia di Pusat Maritim di sini, Khamis.

Turut hadir Timbalannya Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Angkasawan kedua Negara, Mejar Dr Faiz Khaleed.

"Kementerian kini sedang merangka perincian-perinciannya menerusi perjumpaan, perbincangan dan perundingan bersama para saintis, ahli akademik, anggota politik, orang awam dan mereka yang berkaitan dalam menentukan apakah jenis penyelidikan yang sesuai dilakukan dalam misi angkasawan negara kedua ini nanti.

"Apa yang penting ialah perancangan yang rapi dan menentukan pengisian programnya demi memastikan ia membawa hasil kepada negara kerana orang ramai akan bertanya mengenai apakah hasil yang diperoleh dalam program angkasawan ini setelah membelanjakan wang yang banyak," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata program pameran ini dapat memberi kesedaran mengenai kepentingan melakukan penyelidikan di angkasa lepas dan pada masa yang sama Ewon menyeru pihak swasta memberi sokongan dan sumbangan dalam program angkasawan negara itu kerana ia dapat memberi sumbangan menerusi hasil penyelidikan saintifik.

**KERATAN AKHBAR
MSTAR ONLINE
TARIKH : 13 DISEMBER 2013 (JUMAAT)**



Khamis Disember 12, 2013

Program Angkasawan Kedua Akan Diteruskan - Ewon Ebin

PUTRAJAYA: Program misi menghantar angkasawan kedua ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) untuk melakukan penyelidikan saintifik akan diteruskan dan tarikhnya akan diumumkan pada masa yang sesuai kelak.

Menteri Sains, [Teknologi](#) dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin berkata misi angkasa lepas kedua itu mendapat kerjasama Rusia, Jepun dan beberapa [negara](#) lain.

"Kerajaan tidak tergesa-gesa untuk melaksanakan misi angkasa lepas kedua [ini](#), buat masa ini, kementerian menerusi agensinya akan menganjurkan program-program kesedaran mengenai tujuan sebenar misi menghantar angkasawan kedua ke ISS dan implikasinya dari segi pembangunan sains dan teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang [media](#) selepas melancarkan Pameran Angkasawan bertema 'Memacu Aspirasi' selama sehari anjuran MOSTI dan Yayasan Angkasawan [Malaysia](#) di Pusat Maritim di sini, Khamis.

Turut hadir Timbalannya Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Angkasawan kedua Negara, Mejar Dr Faiz Khaleed.

"Kementerian kini sedang merangka perincian-perinciannya menerusi perjumpaan, perbincangan dan perundingan bersama para saintis, ahli akademik, anggota [politik](#), orang awam dan mereka yang berkaitan dalam menentukan apakah jenis penyelidikan yang sesuai dilakukan dalam misi angkasawan negara kedua ini nanti.

"Apa yang penting ialah perancangan yang rapi dan menentukan pengisian programnya demi memastikan ia membawa hasil kepada negara kerana orang ramai akan bertanya mengenai apakah hasil yang diperolehi dalam program angkasawan ini setelah membelanjakan wang yang banyak," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata program pameran ini dapat memberi kesedaran mengenai kepentingan melakukan penyelidikan di angkasa lepas dan pada masa yang sama Ewon menyeru pihak swasta memberi sokongan dan sumbangan dalam program angkasawan negara itu kerana ia dapat memberi sumbangan menerusi hasil penyelidikan saintifik. **-BERNAMA**

Hasil produk bernilai komersial

■ IPT perlu perkukuh penyelidikan masing-masing

Oleh Nur Ain Musdad
am@mediaprima.com
Melaka

Semua institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini disaran memperkukuhkan lagi peranan penyelidik masing-masing supaya kualiti penyelidikan yang dilaksanakan mampu menembusi pasaran.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, nilai sesuatu hasil penyelidikan dan pembangunan itu bukan saja diukur daripada kuantiti produk dihasilkan, tetapi turut mengambil kira keupayaan produk yang dikomersialkan.

"Kerajaan sentiasa mengalu-alukan usaha memperkasakan kerjasama antara IPT dengan pihak industri yang diyakini mampu membantu menjana hasil penyelidikan dan pembangunan mengikut keperluan dan kehendak pasaran.

"Malah, MOSTI menerusi enam agensinya seperti Unit Dana, Biotech Corp, Agensi Nuklear Malaysia dan Technology Park Malaysia bersedia menambah peruntukan untuk membangun dan memajukan sesuatu projek," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Ekspo Penyelidikan dan Inovasi Universiti Teknikal Malaysia



ABU Bakar (kiri) melawat pameran di Ekspo Penyelidikan dan Inovasi Universiti Teknikal Malaysia

FAKTA
MOSTI tidak letak syarat ketat kepada mereka yang mohon geran peruntukan

Melaka (UTeM) 2013 (UTeMEX 2013) di Kampus Induknya di Durian Tunggal, di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Mohd Yusof Hassan; Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi negeri Datuk Md Yunus Husin.

Pada program itu, sebanyak 207 produk inovasi dipertandingkan dalam empat bidang utama universiti iaitu Teknologi Hijau, Teknologi Mendatang, Kejuruteraan Sistem dan Interaksi Manusia-Teknologi.

Abu Bakar berkata, pihaknya percaya produk dihasilkan penyelidik tempatan mempunyai keistimewaan tersendiri dan setanding dengan produk import.

"Bagaimanapun, mereka (penyelidik) perlu meningkatkan inovasi supaya produk dihasilkan mampu dimanfaatkan sepenuhnya.

"MOSTI tidak meletakkan syarat ketat kepada mereka yang mohon geran sebaliknya sentiasa komited untuk memenuhi kehendak pemohon. Namun, mereka perlu memastikan penyelidikan dilakukan itu membuahkan hasil," katanya.

Mosti tegur penerima dana



Abu Bakar melihat salah satu produk inovasi pada Ekspo Penyelidikan dan Inovasi UTeM di Alor Gajah, semalam.

NORDIANA JOHARI

ALOR GAJAH - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) memandang serius terhadap ketidakupayaan dan kegagalan segelintir pihak mengkomersialkan produk inovasi dihasilkan.

Timbalan Menteri, Prof Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, beliau akan bertindak tegas terhadap pihak yang sudah diberikan geran peruntukan untuk menerima dana tetapi gagal mencapai usaha berkenaan, sekali gus berlaku pembaziran.

Ini kerana, katanya, penyaluran dana kepada produk berpotensi dikomersialkan tidak sepatutnya ha-

nya sekadar bertujuan pameran semata-mata.

"Mosti memperuntukkan dana sehingga RM800 juta bagi tujuan penyelidikan dan membangunkan sesuatu inovasi. Kita cukup komited untuk membantu projek-projek yang diyakini boleh dikomersialkan. Bagaimanapun, kita tidak mahu inovasi hanya untuk pameran dan tidak digunakan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Ekspo Penyelidikan Dan Inovasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Dr Mohd Yusof Hassan; Timbalan Naib Canselor (Akademik)

UTeM, Prof Dr Shahrin Sahib dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Prof Ir Dr Mohd Jailani Mohd Nor.

Abu Bakar berkata, penyelidik perlu memastikan projek dilakukan membuah hasil kerana tidak mahu rakyat beranggapan kerajaan menyalahgunakan dana bagi tujuan pembaziran.

Pada ekspo berkenaan, sebanyak 207 penyertaan dari pelbagai institusi pengajian tinggi terlibat mempamerkan produk inovasi yang dicipta sendiri.

Abu Bakar melihat pameran pada Ekspo Penyelidikan Dan Inovasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Alor Gajah, semalam.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 13 DISEMBER 2013 (JUMAAT)



AHMAD Sarji Abdul Hamid (tengah) menyampaikan Anugerah Sains Mahathir 2012 kepada James M. Kelly (kiri) pada majlis penganugerahan di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Ahmad Tajuddin Ali. - UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

James terima Anugerah Sains Mahathir 2012

KUALA LUMPUR 12 Dis. - Memiliki pengalaman luas dalam bidang kejuruteraan sivil selama 30 tahun, Prof. Emeritus James M. Kelly diumumkan sebagai penerima Anugerah Sains Mahathir 2012, sekaligus mengiktiraf usahanya membangunkan teknologi galas getah seismik.

Penganugerahan tersebut turut mencatat rekod apabila buat pertama kali penyelidik dalam bidang kejuruteraan diangkat sebagai penerima anugerah yang sebelum ini dimonopoli pemikir bidang perubatan dan pertanian.

Dalam penemuan teknologi galas

getah seismik yang dibangunkannya, teknologi berkenaan yang menggunakan sistem isolasi mampu mengurangkan kerosakan struktur ketika kejadian gempa bumi.

Teknologi itu merupakan kaedah keselamatan konvensional yang dapat mengurangkan tekanan gegaran terhadap bangunan, jambatan dan struktur bangunan.

Setakat ini, teknologi terbabit telah diguna pakai di beberapa negara seperti China, Jepun, Indonesia dan Chile termasuk pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Majlis penganugerahan yang diadakan di ibu negara anjuran Ya-

yaasan Anugerah Sains Mahathir itu disempurnakan Pengerusi yayasan, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Yang turut hadir Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali.

Pengiktirafan tersebut melayakkan beliau membawa pulang AS\$100,000 (RM323,000), pingat emas dan sijil pengiktirafan.

Dalam ucapannya, Ahmad Sarji berkata, teknologi galas getah seismik diyakini mengurangkan risiko akibat gempa bumi, selain menyelamatkan banyak nyawa serta menyumbang kepada pembangunan industri getah di rantau ini.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 18
TARIKH: 13 DISEMBER 2013 (JUMAAT)



Ahmad Sarji (tengah) menyampaikan anugerah kepada Kelly sambil disaksikan Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali di Kuala Lumpur, malam tadi. [FOTO MOKHSIN ABIDIN/BH]

Saintis Scotland terima Anugerah Sains Mahathir

Kuala Lumpur: Saintis Scotland, Profesor Emeritus James M Kelly yang mencipta gelas berasaskan getah dinobat sebagai penerima Anugerah Sains Mahathir 2012.

Profesor Kelly adalah penerima pertama anugerah itu dalam bidang Seni Bina dan Kejuruteraan Tropika. Beliau menerima hadiah wang tunai AS\$100,000 (RM323,000), pingat emas dan sijil.

Anugerah itu disampaikan Pengerusi Yayasan Anugerah Sains Mahathir (MSAF), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid di sini, malam tadi.

Anugerah itu sebagai mengiktiraf sumbangan signifikan beliau dalam pembangunan gelas getah seismik yang digunakan untuk melindungi bangunan, jambatan dan struktur lain seumpamanya terhadap impak gegaran gempa bumi.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 6
TARIKH: 13 DISEMBER 2013 (JUMAAT)

Nelayan pantai dinasihat tak turun ke laut

Kuantan: Walaupun banjir kian pulih, kira-kira 4,000 nelayan pantai di Pahang yang menggunakan bot kecil, tetap dinasihat mengelak daripada ke laut berikutan cuaca masih tidak menentu ketika ini.

Ia berikutan **Jabatan Meteorologi** meramalkan hujan lebat dan ribut petir berterusan di perairan Pahang terutama di kawasan pantai sehingga Ahad ini bersama angin kencang berkelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter yang boleh mengancam keselamatan nelayan.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Adnan Hussin, berkata sebagai langkah keselamatan, pihaknya turut memasang bendera merah di jeti perikanan Padang Lalang, di sini untuk makluman mengenai keadaan di laut, selain menasihatkan nelayan mendapatkan maklumat terkini cuaca daripada **Jabatan Meteorologi** dan Jabatan Perikanan sendiri.

“Jika perlu juga ke laut, lebih baik secara berkumpulan kerana andai berlaku kejadian tidak diingini, boleh dibantu dengan lebih pantas,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Di **Seremban**, Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata bekalan elektrik yang terjejas akibat banjir di Pahang, dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh empat hari lagi, manakala masalah sama di Kelantan, Terengganu dan Johor, sudah pun diatasi.

“Seramai 859 pengguna di Maran, Jengka, Lipis, Muadzam, Pekan dan Triang, masih terputus bekalan elektrik. Bekalan ke 17 pencawang atau sistem pembekal voltan rendah pula terpaksa dimatikan atas faktor keselamatan, namun kita bekerja keras memulihkannya,” katanya.

Bercakap kepada media selepas melawat projek rangkaian paip pembedungan Kuala Sawah di Taman Desa Dahlia, semalam, beliau berkata, elektrik ke kawasan terjejas dibekalkan menerusi jana kuasa bergerak yang membabitkan kos RM3.86 juta.